



PERHEBAT

PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGKATAN TENTERA

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dibuka kepada semua warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk berkhidmat di **PERHEBAT** sebagai :

A) JAWATAN :

1) **Penyelaras Pemasaran & Peruncitan**

- Kompleks PERHEBAT, Sungai Buloh (1 Kekosongan)

2) **Pegawai Audit**

- Kompleks PERHEBAT, Sungai Buloh (1 Kekosongan)

3) **Penolong Pegawai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu**

- Kompleks PERHEBAT, Sungai Buloh (1 Kekosongan)

B) GAJI PERMULAAN

Penyelaras Pemasaran & Peruncitan : Minimum (T1) RM2,722.00 hingga Maksimum (T6) RM3,847.00

Pegawai Audit : Minimum (T1) RM2,722.00 hingga Maksimum (T6) RM3,847.00

Penolong Pegawai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu : Minimum (T1) RM2,500.00 hingga Maksimum (T6) RM3,225.00

C) KEMUDAHAN

Disediakan kemudahan Insurans Kemalangan dan Insurans Penghospitalan.

D) SYARAT DAN KELAYAKAN

Jawatan 1 – Penyelaras Pemasaran & Peruncitan

- i. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan/Pemasaran/Keusahawanan/Peruncitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) dan lulus Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. Kakitangan dalaman yang berkelayakan adalah layak untuk memohon kekosongan jawatan yang diiklankan.
- iv. Mempunyai pengalaman dalam bidang pemasaran adalah satu kelebihan.

- v. Mempunyai kemahiran 'interpersonal' yang tinggi dan berkebolehan berhubung secara berkesan di semua peringkat.
- vi. Mempunyai kemahiran yang baik dalam pelaksanaan rundingan dan mampu mewujudkan hubungan jaringan dengan agensi awam/swasta.
- vii. Mempunyai kemahiran komputer yang baik dan baik dalam penulisan (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris).

UMUR : Calon mestilah berumur melebihi 28 tahun mulai tarikh tutup iklan.

TARAF JAWATAN : Kontrak untuk Perkhidmatan (Contract For Service)

TEMPOH KONTRAK : 1 Tahun (Disambung mengikut keperluan)

SENARAI TUGAS PENYELARAS PEMASARAN & PERUNCITAN

1. Mengenalpasti potensi peluang perniagaan dan menganalisis trend pasaran.
2. Melaksana kajian keperluan dan kehendak pelanggan serta maklumat persaingan.
3. Mempromosi dan memasarkan semua produk komersial dan peruncitan bagi tujuan penjana pendapatan PERHEBAT.
4. Memasarkan produk/perkhidmatan dari Veteran ATM atau latihan kepada pasaran awam.
5. Menjalin kolaborasi dengan rakan strategik yang berpotensi menawarkan peluang-peluang yang memberi manfaat kepada PERHEBAT.
6. Menyediakan platform promosi/pemasaran yang akan digunakan untuk tujuan pemasaran dan jualan produk/perkhidmatan PERHEBAT dan Veteran ATM.
7. Membantu penyediaan maklumat untuk cetakan brosur/pamphlet berkaitan produk/perkhidmatan yang disediakan secara digital atau naskah bercetak.
8. Menyertai program promosi anjuran PERHEBAT atau agensi di bawah Kementerian Pertahanan.
9. Membantu menyediakan maklumat belanjawan aktiviti pemasaran dan perbelanjaan menepati belanjawan yang ditetapkan.
10. Memastikan pengagihan bahan promosi/pemasaran secara berkesan.
11. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

SYARAT DAN KELAYAKAN

Jawatan 2 – Pegawai Audit

- i. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan atau ijazah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) dan lulus Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- iii. Kakitangan dalaman yang berkelayakan adalah layak untuk memohon kekosongan jawatan yang diiklankan.
- iv. Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pengauditan sekurang-kurangnya 3 tahun.
- v. Mempunyai kemahiran komputer yang baik dan baik dalam penulisan (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris).

UMUR : Calon mestilah berumur melebihi 28 tahun mulai tarikh tutup iklan.

TARAF JAWATAN : Kontrak untuk Perkhidmatan (Contract For Service)

TEMPOH KONTRAK : 1 Tahun (Disambung mengikut keperluan)

SENARAI TUGAS PEGAWAI AUDIT

1. Menjalankan pengauditan berdasarkan Rancangan Audit Tahunan yang telah diluluskan.
2. Melaksanakan Audit Prestasi.
3. Melaksanakan pengauditan di Bahagian atau Jabatan.
4. Melaksanakan pengauditan ke atas aktiviti pentadbiran PERHEBAT.
5. Melaksanakan pengauditan aset PERHEBAT.
6. Menjalankan pengauditan ke atas Sistem Kewangan PERHEBAT.
7. Menjalankan pengauditan ke atas Penyata Kewangan PERHEBAT.
8. Memberi laporan audit dengan syor-syor yang bertujuan untuk penambahbaikan dan meningkatkan keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko dan hal-hal berkaitan amalan tadbir urus.
9. Urusetia Jawatankuasa Audit PERHEBAT.
10. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

SYARAT DAN KELAYAKAN

Jawatan 3 – Penolong Pegawai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu

- i. Mempunyai Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan diiktiraf setaraf denganya. Mempunyai pengalaman dalam Pengurusan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) satu kelebihan.
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.
- iii. Calon hendaklah berpengalaman sekurang-kurangnya 1 tahun dalam pekerjaan.
- iv. Mempunyai kemahiran 'interpersonal' yang tinggi dan berkebolehan berkomunikasi secara berkesan di semua peringkat.
- v. Mempunyai kemahiran yang baik dalam pelaksanaan rundingan dan mampu mewujudkan hubungan jaringan dengan agensi awam/swasta di negeri berkenaan.
- vi. Mempunyai Kemahiran komputer dan penulisan (Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris) yang baik.

UMUR : Calon mestilah berumur tidak melebihi 45 tahun mulai tarikh tutup iklan.

TARAF JAWATAN : Kontrak untuk Perkhidmatan (Contract For Service)

TEMPOH KONTRAK : 1 Tahun (Disambung mengikut keperluan)

SENARAI TUGAS PENOLONG PEGAWAI PENGIKTIRAFAN PENCAPAIAN TERDAHULU

1. Melaksana pendaftaran awal pemohon Veteran RPEL bagi tajaan Dana PRUV.
2. Menyemak kelayakan calon tajaan dana PRUV.
3. Melaksanakan pendaftaran calon MYSPIKE JPK sebagai pemohon.
4. Pelantikan Pegawai Pembimbing bagi bidang berkaitan.
5. Melaksana daftar *batch* calon dalam sistem MYSPIKE bagi tujuan pembayaran ke JPK.
6. Melaksanakan proses sebelum verifikasi akhir bagi calon.
7. Melaksanakan proses semasa dan selepas verifikasi akhir dilaksanakan bagi calon.
8. Melaksanakan pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan , pengeluaran, pelaporan maklumat calon-calon dalam sistem RPEL.
9. Melaksanakan Majlis Konvoquesyen Penganugerahan Diploma.
10. Menerima dan melaksanakan arahan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON JAWATAN

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan Jawatan PERHEBAT (BOR/PHBT/TADSM/2019 (PERMOHONAN JAWATAN) secara *online* dengan hanya klik pautan <https://forms.gle/WKPvMVawTrynFyrM7>
2. Salinan sijil hendaklah diemelkan kepada alamat emel hrperhebat@gmail.com
3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **27 Oktober 2022 (Khamis) jam 12.00 tengah hari.**

Tarikh iklan : 20 Oktober 2022